



JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
Department of Skills Development
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
Ministry of Human Resources, Malaysia
ARAS 7-8, BLOK D4, KOMPLEKS D,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62530 PUTRAJAYA, MALAYSIA

Telefon : 03-8886 5000
Faks : 03-8889 2423
Email : jpk@mohr.gov.my
Website : www.dsd.gov.my

ID Rujukan : 00008979

Tarikh : 27 Disember 2019

Tuan,

KOLEJ ANTARABANGSA GREENCITY [L01965]
NO. 9, JALAN GEREJA, 5000 KUALA LUMPUR

KEPUTUSAN PENARAFAN BINTANG PROGRAM BERTAULIAH DI PUSAT BERTAULIAH TAHUN 2019 UNTUK TEMPOH DUA TAHUN BERMULA 02 JANUARI 2020 HINGGA 31 DISEMBER 2021

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, bahawa berdasarkan lawatan pemeriksaan di bawah seksyen 38 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652) bagi program Penarafan Bintang Program Bertauliah Tahun 2019 telah di pertimbangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Induk Penarafan Bintang Program Bertauliah 2019. Pertimbangan keputusan Jawatankuasa Induk adalah seperti di **Lampiran 1**. Keputusan penarafan bintang program bertauliah tahun 2019 sah, untuk tempoh dua (2) tahun sahaja iaitu daripada 2 Januari 2020 hingga 31 Disember 2021.

3. Keputusan ini adalah berdasarkan pengauditan atau penilaian semasa lawatan pemeriksaan dilaksanakan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Semakan keputusan juga boleh dibuat carian melalui laman web jabatan iaitu di www.skkm.gov.my dan laporan keputusan hanya dipaparkan bagi program yang mendapat tahap penarafan Baik (3 Bintang) dan ke atas sahaja.

4. Untuk makluman, pemeriksaan penarafan bintang program bertauliah di pusat bertauliah dilaksanakan setiap dua (2) tahun sekali. Pemeriksaan penarafan bintang program bertauliah adalah bertujuan bagi maksud memastikan bahawa Akta 652, peraturan-peraturan yang dibuat dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK) telah dan sedang dipatuhi bagi memastikan pusat bertauliah mengekalkan Standard dan kualiti yang dikehendaki dalam pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).


5. Mana-mana program bertauliah yang tidak menyertai penarafan bintang program bertauliah tahun 2019, KPPK boleh pada bila-bila masa, menggantung atau membatalkan sijil pentauliah yang telah dianugerahkan di bawah perenggan 25(a) atau 27(2)(a) Akta 652.

Sekian terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja Amanah Aspirasi Negara"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAIHAN BIN SHUKRI)

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

KEPUTUSAN PENARAFAN BINTANG PROGRAM BERTAULIAH DI PUSAT BERTAULIAH
TAHUN 2019 UNTUK TEMPOH DUA TAHUN
BERMULA 02 JANUARI 2020 HINGGA 31 DISEMBER 2021
KOLEJ ANTARABANGSA GREENCITY [L01965]

Bil	Nama & Kod Program Bertauliah	Kategori Pentauliahahan	Tahap Penarafan
1	Pemandu Pelancong [HT-023-3:2012]	MT	Cemerlang (5 Bintang)
2	FOOD & BEVERAGE SERVICE OPERATION [HT-010-2:2012]	MT	Baik (4 Bintang)
3	Penyediaan & Pembuatan Makanan [HT-012-2:2012]	MT	Baik (4 Bintang)